

**Pilihan Raya Umum Bebas Pertama Maghribi Jumaat Ini
Bernama
23 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Pilihan raya Parlimen julung kali di negara Maghribi akan berlangsung Jumaat ini, demikian menurut agensi berita Maghribi hari ini.

Lebih 30 parti akan bertanding dalam pilihan raya itu dengan 15 daripadanya mengumumkan membentuk tiga pakatan iaitu Pakatan Demokratik, Pakatan Blok Demokratik dan Pakatan Kemerdekaan Nasional.

Maghribi mempunyai 92 kawasan pilihan raya dan 13.6 juta pengundi yang akan memilih 395 wakil rakyat.

Pilihan raya kali ini juga menyaksikan calon wanita bertanding di 60 kerusi, manakala 30 kerusi lagi diperuntukan bagi calon muda berumur 35 tahun ke bawah.

Pilihan raya umum ini adalah hasil daripada pindaan perlembagaan yang dipersetujui majoriti rakyat Maghribi dalam pungutan suara yang dijalankan pada Julai lalu selepas Raja Muhammad ke-6 bersetuju menyerahkan sebahagian kuasanya kepada rakyat.

Pilihan raya ini akan menentukan bakal perdana menteri Maghribi yang dipilih oleh rakyat dan bukan lagi dilantik oleh Raja.

Perdana Menteri juga diberi kuasa untuk melantik pegawai tinggi kerajaan.

Maghribi telah mendapat pujian daripada beberapa organisasi antarabangsa termasuk Parlimen Kesatuan Eropah berikutan ketelusan dan keadilan yang ditunjukkannya dalam pilihan raya umum ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629229>